

Tiada perjanjian serah Pulau Pinang

Berita Harian (2/1/2022) Page 38

Peperangan, persaingan selain kelicikan Light jadi faktor Pulau Pinang tergadai



Oleh Siti Haliza Yusop
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kedah tidak pernah menyerahkan Pulau Pinang kepada British melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Malah tiada sebarang pajakan atau perjanjian ditandatangani pada 1786 antara Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah dengan Francis Light.

Apa yang ada hanyalah surat tawaran dengan enam syarat yang perlu dipenuhi Syarikat Hindia Timur Inggeris sekiranya berminat menduduki Pulau Pinang yang dimiliki oleh Kedah pada masa itu.

Sejarawan, Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali, berkata meskipun sebelum itu Kedah menolak hasrat Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk menduduki Pulau Pinang, tetapi surat tawaran itu terpaksa dibuat atas beberapa faktor.



“**Syarat pertama dan keenam membabitkan isu musuh yang datang dari laut atau darat dan sama ada ia perlu dihadapi oleh kerajaan Kedah atau Syarikat Hindia Timur Inggeris**”


Abdullah melalui surat tawaran itu. “Disebabkan tindakannya itu, sejarawan, R Bonney dalam naskhahnya (*Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*) menyatakan pendudukan Pulau Pinang oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1786 adalah haram,” katanya pada Webinar Sejarah: *Pulau Pinang Milik Siapa?*

Acara anjuran Jabatan Sejarah dan Persatuan Mahasiswa Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu dikendalikan Dr Sahul Hamid Mohamed Maiddin.

Ia turut disertai Profesor Sejarah Sosial dan Intelktual, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam Universiti Islam Antarabangsa (ISTAC UIA), Prof Datuk Dr Ahmad Murad Merican dan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Ahmad Jelani Halimi.

Kedah diserang
Abdullah Zakaria berkata, meskipun tiada

▶ Naskhah sejarah Kedah oleh Bonney.



perjanjian itu menyatakan Syarikat Hindia Timur Inggeris bersedia membayar 10,000 dolar Sepanyol setiap tahun kepada Kedah.

“Bayaran itu dibayar kepada Kedah selagi Syarikat Hindia Timur Inggeris menguasai dan menduduki Pulau Pinang.” katanya.

Abdullah Zakaria turut menyentuh mengenai dakwaan Kedah

Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Ayuthia, iaitu kerajaan lama Siam.

Malah katanya, Ayuthia juga tidak bertindak apabila Pulau Pinang diduduki Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1781.

“Penterjemah bahasa Melayu Syarikat Hindia Timur Inggeris yang dikenali sebagai Anderson mengatakan setakat yang dia maklum, tidak ada sebarang tanda dari sudut politik, bahasa atau budaya yang menunjukkan Kedah dimiliki Siam.

“Malah puluhan tahun kemudian iaitu pada 1821, Siam sendiri menyerang dan menduduki Kedah. Persoalannya jika Siam mempunyai kuasa terhadap Kedah, mengapa perlu diserang? Datang sajalah ke situ,” katanya.

Kedah bukan milik Siam

Sementara itu, Ahmad Jelani berkata, hubungan antara Kedah dan Siam bukanlah hubungan ‘milik memiliki’ sebaliknya Kedah adalah sebahagian daripada wilayah taklukan Siam.

“Kedah ditakluk Siam tetapi bu-

Antaranya termasuk bagi mendapatkan perlindungan Syarikat Hindia Timur Inggeris berikutan kedudukan Kedah yang berada di tengah-tengah antara persaingan Burma dan Siam pada ketika itu.

Selain itu katanya, berlaku pergolakan dalaman antara kerabat diraja yang menimbulkan masalah kepada takhta kerajaan Kedah pada masa itu.

Bagaimanapun menurut Abdullah Zakaria, syarat pertama dan keenam membabitkan isu musuh yang datang dari laut atau darat dan sama ada ia perlu dihadapi oleh kerajaan Kedah atau Syarikat Hindia Timur Inggeris, enggan dipersetujui oleh syarikat.

Malah katanya, Francis Light sentiasa 'mengelak' apabila ditanya sama ada menerima atau tidak tawaran itu.

"Tetapi apa yang berlaku? Francis Light tetap mengibarkan bendera (Union Jack) di Pulau Pinang pada 1786 tanpa bersetuju dengan syarat yang dikemukakan Sultan

Timur Inggeris, enggan dipersetujui oleh syarikat"

Dr Abdullah Zakaria Ghazali

sebarang perjanjian pada 1786, tetapi Kedah terpaksa akur apabila terikatnya satu perjanjian pada 1791 berikutan kekalahannya selepas diserang tentera Syarikat Hindia Timur pada tahun yang sama.

Melalui perjanjian itu katanya, Kedah membenarkan Syarikat Hindia Timur Inggeris menduduki Pulau Pinang dan syarikat memberi kesanggupan membayar 6,000 dolar Sepanyol kepada Kedah setiap tahun.

"Secara mudah, sebelum Mei 1791, Pulau Pinang dimiliki Kedah begitu juga dengan Seberang Perai yang turut dimilikinya sehingga Jun 1800 sebelum diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris melalui satu perjanjian.

"Apa yang lebih penting, dalam perjanjian pada 1800, Leftenan Gabenor Pulau Pinang, George Leith yang dipertanggungjawabkan menandatangani

sebelum ini pernah dimiliki oleh Siam.

Katanya, jika Kedah dimiliki Siam, mengapa Sultan Abdullah menawarkan Pulau


kan dimiliki. Ada mara yang memang Kedah merupakan taklukan penuh dan dikuasai Siam.

"Tetapi pada waktu yang lain ia sekadar wilayah taklukan yang mengeluarkan ufti kepada Siam tetapi Siam tidak mengambil kisah mengenai apa yang berlaku di Kedah," katanya.

Ahmad Murad pula menyifatkan pandangan Bonney mengenai ketiadaan sebarang perjanjian antara Sultan Abdullah dan Francis Light jarang diwacana dan dibincangkan sejarawan tanah air sebelum ini.

"Bonney 50 tahun lalu, iaitu pada 1971 sudah menyatakan tiada sebarang perjanjian (1786).

"Mungkin saya silap sebab berada di luar lingkungan jabatan sejarah tetapi pada ruang awam, Bonney tidak kedengaran dan malah tidak disebut serta dirujuk mana-mana sejarawan kecuali petang ini disebut oleh Prof Abdullah Zakaria," katanya.



Ahmad Jelani